

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan unjuran peningkatan harga getah apabila Kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan Skim Jumlah Eksport Yang Dipersetujui (AETS) antara Malaysia, Thailand dan Indonesia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*, Malaysia, Indonesia dan Thailand telah bersetuju melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* bagi tempoh 6 bulan mulai bulan Mac hingga Ogos 2016. Melalui AETS, ketiga-tiga negara akan menghadkan pengeksporan getah asli sebanyak 615,000 tan. Langkah ini bertujuan menangani penurunan getah asli dunia susulan stok yang berlebihan dan permintaan yang lembab di negara-negara pengimport utama.

Sejak AETS dilaksanakan, harga getah SMR20 telah menunjukkan tren meningkat dari RM4.73 sekilogram pada 1 Mac 2016 ke RM5.24 sekilogram pada 28 Mac 2016. Harga tertinggi yang dicatatkan sehingga 28 Mac 2016 adalah RM5.49 sekilogram pada 7 Mac 2016.

Sekian, terima kasih.